



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

*APLIKASI TAKMILAH DALAM DEWAN IMAM AS-SYAFIE*

MUHAMAD FAIRUZ ALI

FBMK 2015 19

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia, sebagai  
Memenuhi Keperluan untuk Ijazah Master Sastera

## **APLIKASI TAKMILAH DALAM DEWAN IMAM AS-SYAFIE**

Oleh

**MUHAMAD FAIRUZ ALI**

**Mac 2015**

**Pengerusi : Che Radiah Mezah, PhD**

**Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi**

Puisi adalah salah satu daripada komponen sastera yang utama. Keutamaan puisi terletak pada irama dan bentuknya yang menitikberatkan nilai keindahan. Puisi Islam pula bukan sahaja berfungsi dalam mempengaruhi manusia menerusi keindahan makna dan lafaz, lebih daripada itu, ia perlu berfungsi dalam segenap aspek bagi menghasilkan kesan yang positif kepada khalayak. Oleh itu, sesebuah puisi seharusnya memenuhi beberapa ciri tertentu bagi melengkapi sebuah puisi Islam yang benar-benar memberi kesan kepada khalayak. Justeru, kajian ini akan mempamerkan kesempurnaan puisi Imam as-Syafie RA melalui aplikasi teori Takmilah sebagai kayu ukur bagi mengkaji kualiti kesempurnaan puisi Islam. Kajian ini dijalankan bagi mengenalpasti unsur ketauhidan, kerasulan dan Islam yang terdapat dalam *Dīwān al-Imām as-Syafie*, selain menganalisis aspek sastera dan estetik yang terdapat dalam puisi beliau. Peranan Imam as-Syafie RA dan sumbangan beliau melalui puisi juga turun menjadi objektif kajian ini. Kolerasi antara puisi Islam serta pengaruh unsur Islam masih menjadi fokus utama dalam pembentukan sesebuah puisi bagi memberi kesan positif yang lebih di minda pembaca. Oleh itu, kajian berbentuk kepustakaan ini akan cuba merungkai kesan sinergi antara *Dīwān as-Syafie* melalui aplikasi teori Takmilah yang mendasari sesebuah puisi Islam. Hasil analisis menunjukkan semua prinsip teori Takmilah ditemui dalam *Dīwān as-Syafie*, bahkan puisi beliau lebih menonjol dan melebihi prinsip-prinsip dalam teori Takmilah ini. Objektif kajian juga tercapai iaitu dengan adanya unsur ketauhidan, kerasulan dan Islam dalam Dewan Imam as-Syafie. Ini disusuli dengan unsur sastera yang menghubungkaitkan dengan cabang ilmu lain seperti ilmu perubatan, biologi, sains, tasawuf, dan beberapa cabang ilmu lagi. Dewan Imam as-Syafie ini juga memperlihatkan adanya nilai estetika yang baik dari segi keindahan lafaz serta makna, selain peranan Imam as-Syafie RA itu sendiri sebagai penyair yang sentiasa memperbaiki diri serta menyampaikan dakwah kepada masyarakat tidak kira apa juga cara termasuk melalui puisi.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfillment of the requirement for the degree of Master of Art Arabic Language

**'TAKMILAH' APPLICATION IN THE IMAM AS-SYAFIE'S POETRY**

By

**MUHAMAD FAIRUZ ALI**

**March 2015**

**Chairperson : Che Radiah Mezah, PhD**

**Faculty : Modern Languages and Communication**

Poetry is one of the major literary components of literature. The priority of poetry lies in the rhythm and shape that emphasizes its beauty. Islamic poetry does not only functions in influencing its listeners through the beauty and meaning of words, rather more than that, it should work on all fronts to produce a positive impact on the audience. Therefore, a poem should fulfill some specific features to complement an Islamic poem that really affects the audience. Thus, this study will demonstrate the perfection of Imam as-Shafi'i RA's poetry through the application of Takmilah theory as a benchmark for assessing the quality of perfection in Islamic poetry. This study was conducted in order to determine the elements of monotheism, Prophethood and Islam found in the Dewan Imam as-Shafi'i, in addition to analyzing the literary and aesthetic aspects found in his poetry. The role of the Imam as-Shafi'i RA and his contributions through poetry are also made as the objectives of this study. Correlation between Islamic poetry and the influence of Islam is the main focus in the formation of a poem to provide positive impression in the minds of its readers. Thus, this literature reviews study attempted to discover the effects of synergy between the Dewan Imam as-Shafi'i through the application of Takmilah theory underlying the application of Islamic poetry. The analysis found that, all Takmilah theoretical principles were found in the Dewan Imam as-Shafi'i, making his poetry outstanding and exceeds the principles stated in the Takmilah theory. The objective of the study was also achieved with the existence of monotheism, Prophethood and Islam in Dewan Imam Al-Syafie. This was followed by some literary elements that relates to other disciplines such as medicine, biology, science, mysticism, and several branches of knowledge. Dewan Imam Al-Syaff'e also portrays that there are good aesthetic value both in terms of beauty and meaning of words, in addition to the role of Imam as-Syafie RA himself as a poet who constantly improving himself as well as conveying the message of da'wah to the public through any possible ways including poetry.

## **PENGHARGAAN**

Segala puji bagi Allah S.W.T. Tuhan sekalian alam. Juga selawat serta salam ke atas junjungan mulia Rasulullah S.A.W. Sekalung penghargaan yang tidak terhingga kepada penyelia, Dr. Che Radiah Mezah dan Dr Mohd Sukki Othman selaku ahli jawatankuasa atas bantuan, bimbingan serta galakan yang diberi sepanjang saya menyiapkan tesis ini. Juga jutaan terima kasih kepada pensyarah Unit Bahasa Arab, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia atas limpahan ilmu dan pedoman berguna terutama Dr Reha Mustafa selaku bekas ahli jawatankuasa yang telah banyak menyumbang.

Penghargaan yang teristimewa ditujukan kepada umi, Habsah binti Abdul Rahim dan abah, Ali bin Awang Mahmad kerana sentiasa kekal di hati dan di sisi dalam menjadi sumber inspirasi kepada si anak kerdil ini untuk berjaya dalam bidang akademik sebagai seorang sarjana Islam. Semoga perjuangan ini dikira sebagai ibadah di sisi Allah S.W.T. dan beroleh pahala dan keberkatan bersama. Jutaan terima kasih kepada rakan-rakan GRF sesi 2012-2013, Hamzah, Hilmi, Hisyam, Hasimah dan lain-lain yang sentiasa menyumbang idea dan pandangan serta bahan rujukan. Juga buat teman Kolej Dua Belas, UPM, Hafiz, Faiz, Razi dan Hilmi yang sentiasa menceriakan suasana sepanjang tempoh pembelajaran.

Semoga kajian ini membuka jalan-jalan ilmu selebarnya untuk dimanfaatkan oleh pengkaji, golongan akademik serta para musafir yang sentiasa dahagakan ilmu. InsyaAllah.

Muhamad Fairuz Ali  
Jerantut, Pahang  
2015

## **PENGESAHAN**

Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjumpa pada (tarikh viva voce) untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Muhamad Fairuz Ali bagi menilai tesis beliau yang bertajuk “Aplikasi Takmilah dalam Dewan Imam As-Syafie” mengikut Akta Universiti dan Kolej 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U.(A) 106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah Master Sastera.

Ahli Jawatankuasa Pemeriksa Tesis adalah seperti berikut:

**Nama:**

Jawatan:

Fakulti:

Universiti:

(Pengerusi)

**Nama:**

Jawatan:

Fakulti:

Universiti:

(Pemeriksa Dalam)

**Nama:**

Jawatan:

Fakulti:

Universiti:

(Pemeriksa Dalam)

**Nama:**

Jawatan:

Fakulti:

Universiti:

(Pemeriksa Luar)

## **Perakuan Pelajar Siswazah**

Saya memperakui bahawa :

- Tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- Setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- Tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- Hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- Kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- Tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: \_\_\_\_\_ Tarikh: \_\_\_\_\_

Nama dan No. Matrik: \_\_\_\_\_

**Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:**

Dengan ini, diperakukan bahawa:

penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;  
tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Universiti Putra  
Malaysia (Pengajian Siswazah 2003 (semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan:

\_\_\_\_\_  
Nama Pengerusi  
Jawatankuasa  
Penyeliaan

Tandatangan:

\_\_\_\_\_  
Nama Ahli  
Jawatankuasa  
Penyeliaan

Tandatangan:

\_\_\_\_\_  
Nama Ahli  
Jawatankuasa  
Penyeliaan

Tandatangan:

\_\_\_\_\_  
Nama Ahli  
Jawatankuasa  
Penyeliaan

## JADUAL KANDUNGAN

|  | Halaman |
|--|---------|
| <b>ABSTRAK</b>   | i       |
| <b>ABSTRACT</b>  | ii      |
| <b>PENGHARGAAN</b>                                       | iii     |
| <b>PENGESAHAN</b>  | iv      |
| <b>PERAKUAN</b>  | v       |
| <b>SENARAI RAJAH</b>                                     | ix      |
| <b>SENARAI SINGKATAN</b>                                 | x       |
| <b>SENARAI JADUAL</b>                                    | xi      |
| <b>SENARAI TRANSLITERASI</b>                             | xii     |
| <br>   |         |
| <b>BAB</b>   |         |
| <b>1 PENDAHULUAN</b>                                     | 1       |
| <b>2 SOROTAN LITERATUR</b>                               |         |
| 2.1 Pengenalan   | 9       |
| 2.1.1 Kajian tentang Puisi Arab Islam                    | 9       |
| 2.1.2 Kajian Tentang Puisi Imam as-Syafie                | 11      |
| 2.1.3 Kajian Tentang Aplikasi Teori Takmilah Dalam Karya | 12      |
| 2.2 Imam as-Syafie                                       | 14      |
| 2.2.1 Sejarah Hidup Imam as-Syafie                       | 15      |
| 2.2.2 Kembara Ilmu Imam as-Syafie                        | 15      |
| 2.2.3 Dewan Imam as-Syafie                               | 16      |
| 2.2.4 Kewafatan Imam as-Syafie                           | 16      |
| 2.3 Rumusan Sorotan Literatur                            | 16      |
| 2.4 Kesimpulan   | 17      |
| <b>3 METODOLOGI KAJIAN</b>                               |         |
| 3.1 Pengenalan   | 19      |
| 3.2 Reka Bentuk Kajian                                   | 19      |
| 3.3 Batasan Kajian                                       | 19      |
| 3.4 Teori Takmilah                                       | 19      |
| 3.4.1 Konsep Teori Takmilah                              | 20      |
| 3.4.1 Prinsip-prinsip Teori Takmilah                     | 21      |
| 3.5 Prosedur Pengumpulan Data                            | 26      |
| 3.6 Penganalisisan Data                                  | 26      |
| 3.7 Kerangka Konseptual Kajian                           | 27      |
| 3.8 Kesimpulan   | 28      |
| <b>4 APLIKASI TAKMILAH DALAM DEWAN IMAM AS-SYAFIE</b>    |         |
| 4.1 Pengenalan   | 31      |

|                           |  |    |
|---------------------------|--|----|
| 4.2                       | Dapatan Kajian   | 31 |
| 4.2.1                     | Unsur Ketauhidan, Kerasulan<br>dan Islam yang terdapat dalam<br>Dewan Imam as-Syafie | 48 |
| 4.2.2                     | Aspek Sastera dan Estetik<br>dalam puisi as-Syafie                                   | 67 |
| 4.2.3                     | Peranan Imam as-Syafie<br>melalui puisi beliau<br>dalam membentuk Insan Kamil        | 77 |
| 4.3                       | Dapatan Sisipan  | 77 |
| 4.3.1                     | Hujah Bahasa dalam Puisi<br>Imam as-Syafie   | 81 |
| 4.4                       | Kesimpulan   |    |
| <b>5</b>                  | <b>RUMUSAN DAN CADANGAN</b>  | 83 |
| <b>RUJUKAN</b>            |  | 88 |
| <b>LAMPIRAN</b>           |  | 93 |
| <b>BIODATA PELAJAR</b>    |  | 95 |
| <b>SENARAI PENERBITAN</b> |  | 96 |

## SENARAI RAJAH

| <b>Rajah</b> |   | <b>Halaman</b> |
|--------------|---|----------------|
| 3.1          | Kedudukan sastera dalam kerangka tauhid                             | 20             |
| 3.2          | Sifat Kesempurnaan Allah S.W.T.                                     | 21             |
| 3.3          | Prinsip Ketuhanan yang bersifat <i>al-Kamal</i>                     | 22             |
| 3.4          | Prinsip Kerasulan sebagai Insan Kamil                               | 23             |
| 3.5          | Prinsip Keislaman yang Bersifat Akmal                               | 23             |
| 3.6          | Prinsip Sastera yang Bersifat Takamul                               | 24             |
| 3.7          | Prinsip Sastera yang Bercirikan Nilai Estetik dan Bersifat Takmilah | 24             |
| 3.8          | Prinsip Pengkarya yang Mengistikmalkan Diri                         | 25             |
| 3.9          | Sastera Memupuk Khalayak ke arah Insan Kamil                        | 26             |
| 3.10         | Kerangka Konsep Kajian  | 28             |
| 4.1          | Prinsip Ketuhanan yang bersifat <i>al-Kamal</i>                     | 32             |
| 4.2          | Prinsip Kerasulan sebagai Insan Kamil                               | 40             |
| 4.3          | Prinsip Keislaman yang Bersifat Akmal                               | 43             |
| 4.4          | Prinsip Sastera yang Bersifat Takamul                               | 49             |
| 4.5          | Prinsip Sastera yang Bercirikan Nilai Estetik dan Bersifat Takmilah | 59             |
| 4.6          | Prinsip Pengkarya yang Mengistikmalkan Diri                         | 69             |
| 4.7          | Sastera Memupuk Khalayak ke arah Insan Kamil                        | 74             |

## **SENARAI SINGKATAN**

- SWT. - Subhanahu wa Ta'ala
- SAW. - Sallallahu 'alaihi wasallam
- RA - RađiyAllahu 'anhu
- tt - Tanpa tahun

## SENARAI JADUAL

| <b>Jadual</b> |   | <b>Halaman</b> |
|---------------|---|----------------|
| 4.1           | Prinsip Pertama: Prinsip Ketuhanan yang bersifat <i>al-Kamal</i>                    | 40             |
| 4.2           | Prinsip Kedua: Prinsip Kerasulan sebagai <i>Insan Kāmil</i>                         | 43             |
| 4.3           | Prinsip Ketiga: Prinsip Keislaman yang Bersifat <i>Akmal</i>                        | 49             |
| 4.4           | Prinsip Keempat: Prinsip Sastera yang Bersifat <i>Takāmul</i>                       | 59             |
| 4.5           | Prinsip Kelima: Prinsip Sastera yang Bercirikan Nilai Estetik dan Bersifat Takmilah | 69             |
| 4.6           | Prinsip Keenam: Prinsip Pengkarya yang Mengistikmālkan Diri                         | 74             |
| 4.7           | Prinsip Ketujuh: Prinsip Sastera Memupuk Khalayak ke arah <i>Insan Kāmil</i>        | 77             |

## Senarai Transliterasi

Sumber: Majlis Bahasa Brunei Darussalam, Indonesia, Malaysia (1998). Pedoman Transliterasi Huruf Arab ke Huruf Rumi. Dewan Bahasa dan Pustaka

| Huruf Konsonan | Huruf Transliterasi |
|----------------|---------------------|
| ب              | B                   |
| ت              | T                   |
| ث              | Th                  |
| ج              | J                   |
| ح              | h                   |
| خ              | Kh                  |
| د              | D                   |
| ذ              | Dh                  |
| ر              | R                   |
| ز              | Z                   |
| س              | S                   |
| ش              | Sy                  |
| ص              | ṣ                   |
| ض              | ḍ                   |

| Huruf Konsonan | Huruf Transliterasi |
|----------------|---------------------|
| ط              | t̤                  |
| ظ              | z̤                  |
| ع              | '                   |
| غ              | gh                  |
| ف              | f                   |
| ق              | q                   |
| ك              | k                   |
| ل              | l                   |
| م              | m                   |
| ن              | n                   |
| هـ             | h                   |
| ء              | ,                   |
| ڻ              | ڻ                   |

| Huruf Vokal | Huruf Transliterasi |
|-------------|---------------------|
| ا           | -                   |
| و           | w                   |
| ي           | y                   |

## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Pengenalan

Puisi adalah salah satu daripada komponen sastera yang utama. Nilai puisi ini setanding dengan komponen sastera yang lain seperti novel, cerpen dan beberapa lagi jenis karya. Keutamaan puisi ini adalah terletak pada irama dan bentuknya yang menitikberatkan nilai keindahan. Menurut Usman Awang, puisi adalah salah satu seni untuk masyarakat dan perlu dijauhkan dari unsur-unsur negatif yang akan mencacatkan puisi itu sendiri (Zurinah Hassan, 2006).

Puisi Islam pula mempunyai keindahannya yang tersendiri. Cabang ilmu sastera ini mempunyai rentak dan irama yang sama pada setiap baitnya. Keindahan makna dan lafaz menjadi hiasan pada sebuah puisi dan berperanan mempengaruhi manusia dalam menyampaikan sesuatu makna, arahan dan nasihat.

Berdasarkan pada kenyataan di atas, puisi harus bermatlamat untuk menyampaikan ilmu yang benar selain bersifat mencakupi segenap sudut hal berkaitan kehidupan manusia dan alam cakerawala (Rahmah, 2010).

Hal ini kemudiannya diperincikan Maniyamin (2005) yang mengatakan bahawa puisi Islam ini dihasilkan oleh orang Islam dengan niat kerana Allah SWT untuk memberi hikmah kepada manusia, menyeru kepada *ma'rūf* dan *nāhī mungkar*. Puisi ini boleh dihasilkan dalam tema yang pelbagai, namun pada akhirnya matlamat puisi Islam ini adalah untuk penyempurnaan diri sebagai insan yang sempurna atau disebut *Insān Kāmil*.

#### 1.1.1 Definisi Puisi

Puisi adalah karangan dalam bentuk sajak, syair, pantun dan sebagainya dengan tujuan menyatakan sesuatu dalam bentuk kiasan atau sebagai hiburan jiwa (Noresah, 2007). Puisi ini muncul selaras dengan kehendak naluri manusia yang gemar hiburan yang menyentuh perasaan.

Maka, lahirlah puisi yang menggambarkan alam sekeliling, nasyid dan nyanyian, muzik dan beberapa seni yang lain. Ia juga telah diangkat tinggi sehingga dibuat dalam bentuk pertandingan. Terdapat juga sarjana yang mengatakan bahawa puisi ini berasal dari prosa yang berirama yang digubah oleh *kahin* atau pawang bagi tujuan pemujaan atau jampi (Ismail, 1982).

Puisi adalah salah satu daripada hasil kesusteraan yang mempunyai nilai seni dan bahasa yang tersusun indah. Ia dibentuk dengan beberapa tujuan, iaitu menyampaikan amanat kepada manusia serta menzahirkan sesuatu pemikiran. Puisi ini penuh dengan nilai estetika dengan pelbagai gaya bahasa mengikut identiti retorik dalam bahasa tertentu (Wan Akmal, 2005).

Puisi Islam pula adalah puisi yang diterapkan unsur-unsur Islam di dalamnya. Hal ini bertujuan untuk memberi keterangan, penjelasan, dakwah, serta menarik perhatian ramai untuk mendengar seruan kepada Islam. Dengan kata yang lain, puisi Islam ini menjadi medium dakwah dalam kalangan pembaca dan khalayak (ar-Rāfi‘ī, 1937).

### 1.1.2 Sejarah Perkembangan Puisi Arab Islam

Puisi Arab dibahagi kepada beberapa zaman. Bermula dengan zaman Jahiliyah, diikuti dengan zaman permulaan Islam sebelum munculnya zaman Umayyah. Ini diikuti dengan kemunculan zaman Abbasiyah dan diakhiri dengan zaman moden. Setiap zaman mempunyai keistimewaan dan ciri-ciri puisi yang tersendiri. Ia terbentuk hasil pengaruh sekeliling seperti sosiologi, pemikiran, agama dan sebagainya.

Puisi zaman Jahiliyah muncul selaras dengan kehendak naluri manusia yang gemar hiburan yang menyentuh perasaan seperti nyanyian dan muzik yang menggambarkan alam sekeliling, kabilah, kebanggaan serta jampi atau *kahin* (Ismail, 1982).

Zaman permulaan Islam pula muncul selepas perutusan Rasulullah SAW kepada kaum Arab khususnya dan sekalian umat manusia. Rasulullah SAW melantik beberapa orang pemuisi Islam untuk menentang propaganda musuh Islam melalui medium puisi selain dakwah dan penerangan secara lembut dan jelas. Antara penyair Rasulullah SAW adalah Hassan bin Thābit, Ka‘ab bin Mālik dan Abdullah bin Rawāḥah. Puisi-puisi ini mengandungi makna-makna yang baik dan memudahkan pemahaman serta menyampaikan perasaan cinta kepada Islam dan Rasulullah S.A.W. kepada masyarakat pendengar (Ismail, 1982).

Zaman Bani Umayyah muncul pada tahun 132 Hijrah dan puisi pada zaman ini juga sudah pastinya menerima kesan yang besar daripada situasi politik yang berubah. Puisi zaman ini bertumpu kepada tema politik, asabiyah dan kepartian. Selain itu, puisi pujian, celaan, rindu, kebanggaan, ratapan dan gambaran masih kekal seperti zaman sebelumnya. Antara penyair yang termahsyur pada zaman ini adalah al-Akhtāl, al-Farazdak, Jarīr, dan Qatri bin Fujāh (Ismail, 1982).

Setelah itu, Khalifah Abu Jaafar al-Mansur telah mendirikan Kerajaan Bani Abbasiyah yang berpusat di Kota Baghdad. Kerajaan ini lebih bebas dan maju kerana menekankan corak pemerintahan yang adil dan bijaksana dan berjaya mencapai puncak kegemilangan kerajaan Islam semasa pemerintahan Khalifah Harun al-Rasyid. Antara penyair yang mahsyur adalah Basyar bin Burd, Abu Nuwās, Abu al-'Atāhiyah, Abu Tammām, al-Buhturi, al-Mutanabbī dan Abu al-'Alā' al-Ma'arrī. Tema-tema puisi pada zaman ini masih lagi mengekalkan tema pujian, celaan, ratapan, gambaran, rindu, politik, kebanggaan, semangat atau juhad, kata-kata hikmah dan perumpamaan. Namun, terdapat juga tema baharu yang muncul iaitu puisi zuhud, kisah dan hikayat, serta puisi ilmu dan pelajaran (Ismail, 1982).

Kurun ke-19 menyaksikan satu lagi zaman yang memberi kesan kepada puisi atau sastera iaitu zaman moden. Puisi berkembang pesat dengan kemunculan universiti untuk bidang ilmu dan sastera, aktiviti terjemahan sastera, kajian-kajian ilmiah, surat khabar, galakan untuk menjaga budaya Arab, perpustakaan-perpustakaan serta media massa.

Tema puisi pada zaman ini adalah seperti puisi gambaran, pujian, keagamaan, kisah dan hikayat. Beberapa tema yang masih kekal tetapi dimodenkan adalah seperti celaan, semangat, kebanggaan, ratapan dan rindu. Antara tema baharu yang muncul pula adalah puisi kebangsaan, patriotik, falsafah dan perasaan. Antara penyair yang terkenal adalah seperti Ahmad Shauqī, al-Barudī, Ilyā' Abū Mādī, Ma'ruf al-Rasāfī dan Abu Qāsim ash-Shabi (Ismail, 1982).

Dalam puisi Arab pula, unsur *wazan* dan *qāfiyah* sangat dititikberatkan. Ia umpsama identiti kepada puisi Arab sepanjang zaman. Setiap bait puisi perlu mempunyai keseragaman pada huruf akhir dan wazannya. Puisi ini ditambah pula dengan gaya bahasa yang terkandung dalam disiplin ilmu Balāghah menjadikan ia lebih bernilai tinggi (Ismail, 1982).

### 1.1.3 Ciri-ciri Puisi Arab Islam

Ahmad Shauqi (2000) dan ar-Rāfi'i (1937) telah menggariskan beberapa ciri puisi Islam. Antaranya adalah:

1. Puisi hendaklah mengandungi unsur dakwah kepada Islam dan mempertahankan Islam ketika berhadapan dengan musuh dan provokasi terhadap agama suci ini.
2. Puisi sebagai alat untuk mengangkat semangat para pejuang sama ada mereka berjuang di jalan Allah SWT atau di medan kerjaya. Puisi mampu menaikkan motivasi dan semangat para pejuang dengan keindahan gaya bahasa yang tinggi serta penggunaan diki yang afektif.
3. Puisi Islam sebagai medium memberi keterangan dan penjelasan tentang syariat dan syiar Islam kepada pembaca dan khalayak.
4. Puisi ini harus terhindar dari bersikap ekstrim kepada kaum dengan berpegang teguh kepada kesatuan ummah.
5. Puisi adalah sebagai mekanisme pendidikan jiwa dalam menyampaikan sesuatu dengan berhikmah. Puisi boleh digunakan untuk menyampaikan nasihat al-Quran, kata-kata 'ulamā', pengalaman, dan pelbagai lagi falsafah yang memberi istifadah kepada manusia.
6. Puisi Islam ini juga mementingkan penggunaan diki dan makna yang mendalam. Diki ini bersifat Islamik, memberi rasa dan perasaan keislaman, dan menyentuh hati dan jiwa manusia.
7. Kadangkala puisi Islam ini bersifat *Iqtibās* iaitu mengambil sedutan dan petikan dari al-Quran dan al-Hadith Rasulullah SAW serta kata-kata yang dipengaruhi oleh dua sumber ini.

Kesimpulannya, ciri-ciri puisi Islam sama ada puisi Bahasa Arab, Melayu atau Bahasa apa jua pun perlu mengandungi unsur-unsur Islam ini dalam usaha menyampaikan dakwah dan seruan Islam melalui medium puisi.

## 1.2 Latar Belakang Kajian

Ahmad Kamal (2010) mengatakan bahawa puisi bukan sahaja mempunyai hubungan yang rapat antara penyair, karya dan khalayak, bahkan interaksi ini berlaku secara timbal balik. Hal ini menunjukkan penciptaan puisi berkait rapat dengan kandungan dan tema agar tidak termasuk dalam golongan puisi dan penyair yang tercela sebagaimana Firman Allah SWT dalam surah as-Syu'ara' (ayat 224 dan 227):

وَالشُّعَرَاءُ يَتَّبِعُهُمُ الْغَاوِونَ

Maksudnya : Dan Ahli-ahli syair itu, diturut oleh golongan yang sesat - tidak berketentuan hala (Tafsir Pimpinan ar-Rahman Pengertian Kepada al-Quran, 2010:970)

Ini diikuti dengan penjelasan melalui ayat ke-227, iaitu:

إِلَّا الَّذِينَ ءامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ وَذَكَرُوا اللَّهَ كَثِيرًا وَأَنْتَصَرُوا مِنْ بَعْدِ مَا  
ظُلِمُوا وَسَيَعْلَمُ الَّذِينَ ظَلَمُوا أَكَمْ مُنَقَّلِبٍ يَنْقَلِبُونَ

Maksudnya: Kecuali orang-orang yang beriman dan beramal soleh (dari penyair-penyair itu), dan mereka pula mengingati Allah banyak-banyak, serta mereka membela diri sesudah mereka dianiaya. Dan (ingatlah), orang yang melakukan sebarang kezaliman, akan mengetahui kelak, ke tempat mana, mereka akan kembali. (Tafsir Pimpinan ar-Rahman Pengertian Kepada al-Quran, 2010: 971)

Berpandukan pengertian tersebut, dapatlah disimpulkan bahawa puisi mempunyai hubungan yang amat rapat antara penyair, konteks dan masyarakat. Ini kerana puisi yang disampaikan akan mempengaruhi masyarakat dalam mengadaptasi kandungan teks sastera itu ke dalam realiti kehidupan keislaman mereka.

Manakala bagi puisi Islam pula, ia lebih berperanan ke arah memberi penjelasan dan kefahaman tentang Islam dan syiar agama yang sempurna ini (ar-Rāfi'i, 1937). Hal ini sekaligus menerangkan peranan puisi sebagai medium penerangan tentang agama Islam kepada pembaca dan khalayak.

Justeru, kajian ini akan melihat hala tuju puisi Islam dalam membentuk khalayak pembaca yang menghayati kesempurnaan Islam ini. Teori Takmilah yang diasaskan oleh Shafie Abu Bakar telah muncul sebagai sebuah teori yang mendasari sesebuah karya sastera Islam bagi mengukur dan menilai kesempurnaan sebuah karya Islam itu.

## 1.3 Penyataan Masalah

Pengaruh puisi Islam kepada masyarakat dalam membentuk penghayatan kepada Islam masih belum mencapai tahap yang memberangsangkan. Meskipun puisi Islam ini telah bermula di Tanah Melayu seawal 1960-an lagi, namun pengaruh

puisi jenis ini masih tidak menyeluruh dan memberi kesan besar kepada masyarakat (Samsina, 1996). Namun, sejak kebelakangan ini, puisi Islam semakin mendapat perhatian dari masyarakat. Perkembangan ini antara lain disebabkan lahirnya pertandingan puisi Islam dan hasil karya ini dipaparkan di pelbagai majalah dan media massa.

Walau bagaimanapun, Kamariah (2006) berpendapat perkembangan ini menjadikan puisi Islam dilihat hanya cenderung untuk memenangi pertandingan puisi serta untuk mendapat peminat yang ramai sedangkan pada hakikatnya ia masih tidak mencapai tahap karya berunsur Islam. Hal ini kerana keterbatasan ilmu dan penghayatan dalam kalangan segelintir penyair dan penerbit menjadikan tujuan mereka hanya untuk mengaut keuntungan sahaja.

Rahmah dan Mohd Shahrizal (2013) turut berpendapat bahawa kedatangan Islam ke Tanah Melayu mempengaruhi sastera Melayu. Namun, bukan semua karya itu mengalami proses islamisasi. Sehinggalah ke tahun 1970-an, proses ini masih berlangsung dalam usaha menjadikan sastera khususnya puisi agar lebih cenderung kepada menyampaikan ajaran dan konsep dalam Islam.

Dalam masa yang sama, puisi Islam yang sedia ada dilihat kurang menerapkan prinsip ke arah pembentukan manusia yang diharapkan. Justeru, perlu ada satu pengukur yang boleh diaplikasikan dalam menilai kewujudan prinsip keislaman dalam sebuah karya puisi.

Selain itu, pengetahuan dan kepakaran dalam mengarang puisi yang indah dan kreatif sahaja tidak mencukupi. Penyair Islam perlu menerapkan aspek tauhid, kerasulan, keislaman selain dari nilai estetika, agar hasil puisi tersebut mampu mempengaruhi khalayak pembaca dalam membentuk pemikiran, sahsiah dan keyakinan terhadap agama.

Di samping itu, puisi-puisi Melayu juga perlu berperanan dalam menjelaskan konsep-konsep yang terkandung dalam Islam seperti akidah, akhlak, syariat, politik, sosial dan wasatiyyah. Peranan ini penting dalam usaha untuk mengajak dan mengingatkan para pembaca kepada Islam dan ajarannya yang perlu seimbang dalam memenuhi tuntutan dunia dan akhirat (Samsina, 2014:45).

Oleh kerana matlamat puisi Islam ini menuju ke arah pengaplikasian prinsip-prinsip Islam dalam kehidupan, sewajarnya puisi ini memiliki ciri-ciri berdasarkan disiplin utama yang menjadi tunjang kehidupan. Berdasarkan teori Takmilah yang diuraikan secara terperinci dalam bab dua dan tiga, puisi Islam seharusnya mempunyai ciri-ciri dan elemen ketauhidan, kerasulan, Islam, akhlak, dan lain-lain lagi yang akhirnya mampu membentuk insan yang sempurna.

Hal ini bersesuaian dengan pendapat Hashim Awang (1995) yang mengatakan bahawa sastera Islam yang berasaskan tauhid dan keimanan perlu kepada kreativiti yang betul agar bukan sahaja mencapai konsep sastera Islam tetapi juga mengikuti Islam sebagai agama yang syumul.

Namun, situasi ini tidak dapat diaplikasikan dengan baik. Hal ini kerana didapati unsur Islam dalam puisi dapat dilihat dari segi fungsinya pada penggunaan diksi atau perkataan sahaja seperti perkataan hidayah, iman, tauhid, ikhlas dan sebagainya. Mesej yang dipaparkan oleh penyair kurang jelas yang menjadikan nilai dan kualiti puisi Islam itu tidak mampu melahirkan khalayak yang menghayati Islam dengan sempurna dan syumul.

Situasi ini menyebabkan penyair masa kini tidak sehebat penyair zaman silam yang mampu mencipta puisi berteraskan Islam n dakwah. Antara penyair Islam yang unggul adalah Imam as-Syafie RA, Hassan bin Thabit, Imam al-Buhturi, al-Farazdaq, Abu Tammam dan Ahmad Shauqi.

Kolerasi antara puisi Islam serta pengaruh unsur Islam masih menjadi fokus utama dalam pembentukan sesebuah puisi Islam bagi memberi kesan positif yang lebih di minda pembaca. Justeru, bagi menghasilkan sebuah puisi yang mampu menerapkan prinsip-prinsip Islam, perlulah dilandaskan dengan hala tuju serta matlamat puisi dengan landasan prinsip yang mantap. Landasan prinsip ini akan menjadi kayu ukur kepada keberhasilan dan kejayaan sesebuah puisi dalam membentuk masyarakat Islam.

Pemilihan penyair iaitu Imam as-Syafie pula kerana beliau telah terkenal di serata dunia termasuk di Malaysia yang mana masyarakat Islam di negara ini mengamalkan pemikiran dan pandangan beliau dalam Mazhab Syafie. Penyebaran ilmu Imam as-Syafie juga meluas dan disampaikan oleh sebahagian besar para alim ulama melalui kelas-kelas pengajian juga berpaksikan aliran mazhab Imam as-Syafie (Ridzuan, 2012:247).

Selain itu, Imam as-Syafie juga diberikan kedudukan yang utama dalam kurikulum pendidikan di Malaysia yang menyumbang kepada penerimaan secara langsung masyarakat Islam di negara ini kepada ilmu beliau. Malah, kitab-kitab beliau juga diajar dan diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu untuk memberi kefahaman yang lebih akan ilmu yang terkandung dalam buku Imam as-Syafie ini.

Oleh itu, kajian ini cuba untuk melihat dan menonjolkan kewibawaan Imam as-Syafie dan mengaplikasikan teori Takmilah dalam puisi beliau. Gabungan ini bagi memperlihatkan Imam as-Syafie RA mengintegrasikan prinsip-prinsip Islam yang syumul dalam bait-bait puisi beliau agar dapat ditonjolkan kepada masyarakat Islam. Teori Takmilah ini pula adalah sebagai kayu ukur bagi memperlihatkan kewibawaan puisi beliau secara mendalam.

#### **1.4 Persoalan Kajian**

Berdasarkan pernyataan masalah di atas, maka kajian ini akan cuba menjawab persoalan berikut:

- i. Sejauhmanakah unsur ketauhidan, kerasulan dan keislaman yang terdapat dalam puisi Imam as-Syafie?
- ii. Apakah aspek sastera dan estetik yang terdapat dalam puisi Imam as-Syafie?
- iii. Bagaimanakah peranan puisi Imam as-Syafie melalui puisi beliau dalam membentuk insan *kāmil*?

## **1.5 Objektif Kajian**

Kajian ini dijalankan untuk mencapai objektif berikut:

- i. Mengenalpasti unsur ketauhidan, kerasulan dan Islam yang terdapat dalam puisi Imam As-Syafie.
- ii. Menganalisis aspek sastera dan estetik yang terdapat dalam puisi Imam As-Syafie.
- iii. Menghuraikan peranan dan sumbangan Imam as-Syafie melalui puisi beliau dalam membentuk insan *kāmil*.

## **1.6 Kepentingan Kajian**

Kajian berkaitan puisi Imam As-Syafie yang digabungkan dengan teori Takmilah masih belum dijalankan oleh pengkaji-pengkaji di Malaysia khususnya dalam analisis teks sastera. Oleh itu, kajian ini penting bagi memenuhi beberapa perkara seperti berikut:

- i. Kajian ini memaparkan pengintegrasian unsur tauhid, kerasulan, Islam, akidah, dan lain-lain yang terdapat dalam puisi Imam as-Syafie dan melihat sejauhmana kemantapan prinsip teori Takmilah dalam bait-bait puisi beliau.
- ii. Penyelidikan tentang pemikiran dan unsur Islam dalam puisi adalah perlu bagi melihat dan menelusuri perspektif pemikiran penyair dalam menggambarkan realiti Islam dalam kehidupan, norma moral, dimensi akhlak dan sosial. Dengan ini, keistimewaan karya Imam As-Syafie ini dapat difahami dengan mendalam kerana dianggap menepati nilai-nilai puisi Islam.
- iii. Pembaca dapat melihat fenomena realiti dan gambaran Islami yang terhasil melalui pengalaman penyair dan tindak balas manusia dan alam. Prinsip yang dinamakan sebab dan akibat ini banyak mencerminkan nilai murni, ekspresi sufisme, ketauhidan, cinta Rasulullah SAW dan rasional dalam realiti.

## **1.7 Metodologi Kajian**

Kajian ini berbentuk kajian kepustakaan melalui pendekatan kualitatif. Pendekatan kualitatif ini adalah dengan menggunakan kaedah analisis kandungan. Kaedah analisis kandungan digunakan bagi menganalisis bait-bait puisi Imam as-Syafie yang mengandungi unsur tauhid, kerasulan, Islam, akidah, tindakbalas terhadap cabang ilmu yang lain, nilai estetik, peranan pengkarya ke arah pembentukan masyarakat berteraskan insan *kāmil*. Data yang dianalisis, dihuraikan secara deskriptif atau penerangan. Kajian ini akan menggunakan kerangka teori Takmilah yang diasaskan oleh Shafie Abu Bakar, bagi menganalisis data iaitu bait-bait puisi dalam *Dīwān* as-Syafie.

## **1.8 Skop Kajian**

### **i. Bidang Kajian**

Kajian ini adalah dalam bidang puisi Islam yang akan membahaskan mengenai puisi Imam as-Syafie dengan menggunakan teori Takmilah sebagai pengukur bagi memastikan kekuatan teori tersebut serta menyerlahkan keagungan Imam as-Syafie R.A. sebagai penyair dan tokoh pemikir Islam yang hebat.

## **ii. Data Kajian**

Data kajian ini ialah bait-bait puisi yang dipilih dalam *Dīwān al-Imām as-Syafie*, susunan Muhammad 'Afif az-Zu'by terbitan pada tahun 1971. Melalui pembacaan yang dibuat, *Dīwān al-Imām as-Syafie* ini mengandungi tema yang pelbagai seperti ketuhanan, ilmu, sahabat, merantau, nasihat dan sebagainya dan disusun mengikut *qāfiyah* bait puisi. Kajian ini akan mengaplikasi Teori Takmilah dalam usaha meneliti unsur-unsur Islam yang terdapat dalam bait-bait puisi Imam As-Syafie.

### **1.9 Definisi Operasional**

Kajian ini akan merungkaikan definisi operasional seperti berikut:

#### **1.9.1 Takmilah**

Takmilah dalam kajian ini merujuk kepada teori Takmilah (1993) yang diasaskan oleh Shafie Abu Bakar sebagai kayu pengukur kepada sastera Islam. Teori Takmilah akan dibahaskan dengan mendalam pada bab ketiga.

### **1.10 Kesimpulan**

Kolerasi antara puisi Islam serta pengaruh unsur Islam masih menjadi fokus utama dalam pembentukan sesebuah puisi Islam bagi memberi kesan positif yang lebih terhadap minda pembaca. Manakala aspek tauhid, kerasulan, Islam dan kreativiti serta pengkarya menjadi tunjang kepada teori Takmilah akan diaplikasikan. Justeru, kajian ini akan cuba mengaplikasi Teori Takmilah dalam mengenalpasti unsur Islam yang terkandung dalam bait puisi Imam as-Syafie R.A.

## RUJUKAN

- Abd Rahim I. (2005). *Teori Takmilah: Aplikasi Terhadap Drama-drama Pilihan Karya Noordin Hassan*. Selangor: Universiti Putra Malaysia.
- Abu Majid, A. (2010). *al-Wādih fī al-Balāghah*. Dār Jarīr: Ammān.
- Ahmad Kamal Abdullah. (2010). *Simbolisme dalam Puisi Islam di Malaysia 1970-1990*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Mukhtar, H. (2008). *Mu'jam al-Lughah al-'Arabiyyah al-Mu'āsoroh*. Beirut: 'Alam al-Kutub.
- Ahmad Shauqi, A. S. (2000). *Tārīkh al-Adab al-'Arabi al-'Asr al-Jahiliyy*. Kaherah: Dār al-Ma'rif.
- Ahsanuddin, M., & Mahliatussikah, H. (2007). *Nilai-nilai Edukatif dalam Diwan Imam Syafi'i*. Malang: Unuversiti Islam Malang.
- al-'Alamiyah, M. J.-M. (2006). *al-Bayān wa al-Badi'*. Shah Alam: Jami'ah al-Madinah al-'Alamiyah.
- al-Anbari, A. B. (1421). *al-Bayān fī Gharib Irāb al-Quran*. Beirut: Dār al-Arqām bin Abi al-Arqām.
- al-Anbari, A. B. (1992). *az-Zāhir fī Ma'āni Kalimat*. Beirut: Muassasah ar-Risālah.
- al-Azhāri, A. M. (2001). *Mu'jam Tahzīb al-Lughah*. Beirut: Dār al-Ma'rifah.
- al-Azharī, S. b. (tt). *Futūhāt al-Wahāb bitauqīh Syarḥi al-Tullāb*. Beirut: Dār al-Fikri.
- al-Baihaqi, A. B. (2003). *al-Sunan al-Kubra*. Beirut: Dār al-Kutub al-Ilmiyah.
- al-Dimasyqi, A. R. (1996). *al-Balāghah al-'Arabiyyah*. Beirut: al-Dār al-Shamiyah.
- al-Durrah, D. (2009). *At-Tatawwur ad-Dalali fī Lughah as-Syīr*. Amman: Dar Usamah.
- al-Ghazali, A. H. (1998). *Iḥyā' Ulu'muddin*. Beirut: Dār al-Kutub al-Ilmiyah.
- al-Jinni, M. (1992). *al-Fikh al-Manhaji 'ala Mazhab al-Imam as-Syafie*. Damsyik: Dār al-Qalam.
- Al-Marāghi, A. b. (2010). *'Ulūm al-Balāghah*. Beirut: Dār al-Kutub al-Ilmiyah.
- al-Qahtāni, S. b. (2006). *Bayān Aqīdah Ahli as-Sunnah wa al-Jamāah*. Riyādh: Muassasah al-Jārisi.

- al-Qaradawi, Y. (1980). *al-Halāl wa al-Harām fī al-Islām*. Beirut: Maktab al-Islāmī.
- al-Qurtubi, A. A. (1964). *al-Jamīl al-Ahkām al-Qurān Tafsīr al-Qurtubi*. Kaherah: Dār al-Kutub al-Misriyyah.
- Al-Rāzī, Z. A. (1999). *Mukhtar as-Sihhah*. Beirut: Maktabah al-'Asriyyah.
- al-Syarkāni, M. (2001). *Cara Belajar Bahasa Arab Balaghah*. Kuala Lumpur: al-Hidayah Publishers.
- al-Yamani, M. b.-J. (1995). *as-Suluk fī Tabaqat al-'Ulama' wa al-Muluk*. Sana'a: Maktabah al-Irsyad.
- Al-Zarqānī, A. A. (1996). *Syarah al-Zarqānī 'ala al-Mawāhib al-Laduniyah bi al-Manhi Muhammadiyah*. Beirut: Dār al-Kutub al-Ilmiyah.
- ar-Rāfi'i, M. S. (1937). *Tārīkh Ḥadāb al-'Arabī*. Beirut: Dār al-Kitāb al-'Arabī.
- 'Asākir, i. (2010). *Tārīkh Dimasyq*. Beirut: Dār ihyā' al-Turāth.
- Asep Supardi. (2006). *Transformasi Nilai-nilai Ajaran Islam Dalam Ayat-Ayat Cinta Karya Habiburrahman el-Shirazy*. Semarang: Universitas Deponegoro.
- as-Sayuti. (2001). *al-Ishbāh wa an-Nazā'ir fī an-Nahwi*. Beirut: Dār al-Kutub al-Ilmiyah.
- as-Syafie. (1989). *Al-Umm [terj.]*. Kuala Lumpur: Victory Agencie.
- as-Syafie, M. b. (1990). *al-Umm*. Beirut: Dār al-Ma'rifah.
- as-Syirazi, A. I. (2003). *al-Mazhab fī Fiqh al-Imam as-Syafie*. Beirut: Dār al-Kutub al-Ilmiyah.
- Atiq, D. A. (2004). *Ilm al-Ma'āni al-Bayān al-Badi'*. Beirut: Dār al-Nahdhah al-'Arabiyyah.
- Atmazaki. (1993). *Analisis Sajak : Teori, Metodologi dan Aplikasi*. Bandung: Penerbit Angkasa Bandung.
- at-Ṭibbāq, U. F. (1995). *Dīwān al-Imam as-Syafie*. Beirut: Dār al-Arqām bin Abi al-Arqām.
- az-Zu'bī, M. '. (1971). *Dīwān as-Syafie*. Beirut: Dār al-Jīl.
- az-Zuhbi, I. S. (1992). *Tahzīb Yasar A'lām an-Nubalā'*. Beirut: Muassasah ar-Risālah.
- Bahjat, M. M. (1986). *Syi'ir as-Syafie*. Baghdad: Jāmi'ah Baghdad.

- Basmeih, S. A. (2010). *Tafsir Pimpinan ar-Rahman Pengertian Kepada al-Quran*. Kuala Lumpur: Darul Fikir.
- Duzi, R. B. (1979). *Takmilah al-Ma'ājim al-'Arabiyy*. Iraq: Wizārah as-Thiqāfah wa al-I'lām.
- Emil Badi', Y. (1996). *Dīwān al-Imam as-Syafie*. Beirut: Dār al-Kitab al-'Arabiyy.
- Fairūzabādi. (1998). *al-Qāmūs al-Muhib*. Beirut: Muassasah ar-Risālah.
- Faridah Mohammad Saad. (2006). *Aplikasi Takmilah dalam Puisi al-Amin*. Selangor: Universiti Putra Malaysia.
- Hashim, A. (1995). Metodologi Kesusasteraan Islam. In S. J. husin, *Nadwah Ketaqwaan Melalui Kreativiti* (p. 30). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- ibn al-Hajib, J. A. (1995). *as-Syafiyyah fī ilmi at-Tasrif*. Beirut: al-Maktabah al-Makiyyah.
- ibn al-Wazīr. (1994). *al-Awāsim al-Qawāsim fī az-Zub as-Sunnah*. Beirut: Muassasah ar-Risālah.
- ibn Manzūr. (1997). *Lisānul Arab*. Beirut: Dār Ihyā' at-Turās al-'Arabi.
- Ibrāhīm, a.-W. H.-W. (2006). *al-Taṣwīr al-Bayānī fī Syi'ri al-Mutanabbi*. Kaherah: Maktabah Wahbah.
- Ismail, H. (1982). *Pengantar Kesusasteraan Arab Klasik*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Jashim, N. (2007). *Madkhal ila al-Mazhab as-Syafie*. Kuala Lumpur: International Islamik Universiti malaysia Press.
- Kamariah, K. (2006). *Novel-novel Berunsur Islam : Satu Kajian Berdasarkan Teori Takmilah*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Kasmaizun Enuni M. S. (2013). *Pemikiran Keagamaan Dalam Kumpulan Pantun 1000 Pantun Puitis Karya Kemala*. Selangor: Universiti Putra Malaysia.
- Khafidhi. (2013). *Peranan Akal dan Qalb dalam Pemikiran Akhlak*. Semarang: Institut Agama Islam Walisongo.
- Maharam, M. (2012). Tarbiah dalam Novel Papa. *Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara*.
- Mahārisy, Z. b. (2014). *Suwar Musytarak Lafzī fī al-Quran al-Karīm* . Jāzān: Jāmi'ah Jāzān.
- Majah, i. (2010). *Sunan ibn Majah*. Dar Ihya' al-Kutub al-Arabiyyah.

- Mamat, A. (2000). *Puisi-puisi Johar Buang dan Rahimidin Zahari*. Selangor: Universiti Putra Malaysia.
- Maniyamin, H. I. (2005). *Citra Takmilah : Analisis Terhadap Kumpulan Puisi Islam*. Shah Alam: Karisma Publication Sdn Bhd.
- Mohd Sulaiman, H. Y. (1992). *Akhlag dan Tasawuf*. Selangor: Yayasan Salman.
- Muftaffa, M. (2005). Peribahasa : Yang tersirat di sebalik yang tersurat. Pusat Penerbitan Universiti UITM Shah Alam.
- Muhammad bin Idris, a.-S. (1990). *al-Umm*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Muhammad Ibrāhim, S. (2002). *Diwān al-Imam as-Syafie*. Kaherah: Maktabah al-Quran.
- Muhammad Zulkifli, I. (2002). *Puisi Jihad Pada Zaman al-Murabitun di Andalus*. Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Naffi Mat. (1999). *Pemikiran dalam Puisi-puisi Penyair Lepasan Maktab Perguruan Sultan Idris Selepas Merdeka*. Selangor: Univeriti Putra Malaysia.
- Najihah Abdul Wahid. (2008). *Methode Muhammad Abd Ghani Al-Misri: Kajian dalam Diwan as-Syafie*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nasr Hamid, A. Z. (1993). *al-Imam as-Syafie wa ta'yis al-idiologiyah al-wasatiyah*. Iskandariyah: Dar at-Tiba'ah al-Mutamayyizah.
- Noresah, B. (2007). *Kamus Dewan Edisi Empat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Qutub, S. (1992). *Fi Zilāl al-Quran*. Beirut: Dār as-Syuruq.
- Rahmah, A. O. (2010). Sejarah Tradisi Sastera Arab dan Islam : Fokus kepada Sastera Sebagai Sumber Ilmu. In U. M. Tahir, *Kedudukan Ilmu dalam Kesusastraan* (p. 30). Bangi: Institut Alam dan Tamadun Melayu.
- Rahmah, A. O & Mohd Shahrizal. (2013). Jurnal Usuluddin, Unsur-unsur Retorik Dalam Puisi Melayu al-Amin Karya A. Samad Said. Kuala Lumpur, Universiti Malaya.
- Ridzuan, A. (2012). *Fiqh Imam Syafie*. Selangor: PTS Millennia Sdn Bhd.
- Saied al-Humaira, N. (1999). *Syams al-Ulum wa Dawā' Kalām al-'Arabiyy min al-Kalum*. Beirut: Dār al-Fikri al-Ma'āsir.
- Saied, U. K. (2004). *Al-Adab wa An-Nusus*. Kuala Lumpur: Rmi Publication Publishing.

- Samsina, A. R. (1996). *Unsur-unsur Tasawuf dalam Puisi Melayu Modern di Malaysia dan Indonesia : Satu Analisis Perbandingan*. Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Samsina, A. R. (2014). Seminar Antarabangsa Psikolinguistik III, *Konsep Wasatiyyah dalam Islam dan Ungkapannya Melalui Bahasa Puisi Melayu*. (p. 45). Serdang: Universiti Putra malaysia.
- Shafie, A. B. (1980). Sastera Melayu dan Islam. *Kesusasteraan Melayu dan Islam*, 20.
- Shafie, A. B. (1995). Takmilah : Teori Sastera Islam. In J. Husin, *Nadwah Ketaqwaan Melalui Kreativiti* (p. 46). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Shafie, A. B. (2004). Fokus Sastera Islam. In M. A. Din, *Sastera Islam: Citra Nurani Ummah* (p. 74). Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Shamsudin, A. B. (2006). *Analisis Takmilah Cerpen Pemenang Hadiah Sastera Islam*. Selangor: Universiti Putra Malaysia.
- Shamsudin, O. (2012). *Moden Rasa Insaniah Dalam Puisi i Tiga Penyair Nusantara..* Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Syakīr, A. M. (1939). *ar-Risālah li al-Imam as-Syafie*. Beirut: Maktabah al-ilmiyah.
- Tirmizi, I. (2012). *Syamail Muhammadiyah*. Selangor: PTS Islamika.
- Umar, M. N. (2013). *Mengenali Imam Asy-Syafi'i*. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn Bhd.
- Wan Akmal, W. S. (2005). *Unsur Puitika Dalam Puisi Melayu Tradisional*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- wikipedia. (5 4, 2014). Retrieved 5 4, 2014, from [http://ms.wikipedia.org/wiki/Burung\\_Gagak](http://ms.wikipedia.org/wiki/Burung_Gagak)
- Zaharudin, A. R. (2011). Menjadi Dai yang Kreatif. In P. M. Juoi, *Solusi Isu 32* (p. 41). Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn Bhd.
- Zuhaili, P. D. (2008). *al-Fiqh as-Syafie al-Muyassar*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Zurinah, H. (2001). *Penggunaan Unsur Alam Sebagai Perlambangan Dalam Puisi Melayu Modern*. Selangor: UPM.
- Zurinah, H. (2006). *Sasterawan negara : Usman Awang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zurzur, N. (tt). *Diwān as-Syafie*. Beirut: Dār al-Kutub al-Ilmiyah.